


ENHANCING INNOVATIONS IN e-LEARNING FOR FUTURE PREPARATION

Volume 5, 2023

e-ISBN : 978-967-25608-8-3



SIG CS@e-Learning
Unit Penerbitan
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Media
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

HASIL ITEM TOLAKAN PENGIRAAN ZAKAT PENDAPATAN DARI KUMPULAN FOKUS MUZZAKI M40 UNTUK ZAKAT PULAU PINANG

‘Imaaduddin Abdul Halim¹, *Saiful Nizam Warris², Muhammad Che Saad³, Hisyam Mohd Radzi⁴,
Dahlan Abdullah⁵ and Ahmad Zia Ul-Saufie⁶
imaaduddin@uitm.edu.my¹, saifulwar@uitm.edu.my², muhammad247@uitm.edu.my³,
hisyammr@uitm.edu.my⁴, dahla707@uitm.edu.my⁵, ahmadzia101@uitm.edu.my⁶

^{1,3,4}Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang, Malaysia

²Pusat Pengajian Sains Matematik,
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang, Malaysia

⁵Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP),
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang, Malaysia

⁶Pusat Pengajian Sains Matematik,
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media,
Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author

ABSTRAK

Zakat pendapatan merupakan salah satu zakat yang perlu dikeluarkan oleh umat Islam yang berkelayakan mengikut kadar pendapatan bersih tahunan. Pendapatan bersih bermaksud pendapatan tahunan yang akan ditolak dengan item tolakan dibenarkan oleh pusat zakat negeri seperti tolakan untuk diri sendiri, tanggungan, penginapan, simpanan (tabung haji dan kwsp) dan lain-lain. Item tolakan ini perlu dikemaskini bagi memastikan ia sentiasa mengikuti perkembangan zaman dan ekonomi semasa. Oleh itu, satu kumpulan fokus muzzaki diwujudkan dari kalangan M40 bagi mengenalpasti item tolakan yang terkini untuk dicadangkan kepada Zakat Pulau Pinang. Kumpulan fokus ini terdiri daripada 4 orang muzzaki yang bekerja di sektor kerajaan, swasta dan usahawan. Sesi kumpulan fokus ini telah diadakan di Hotel Eastern & Oriental, Pulau Pinang pada 4 September 2022. Sesi ini telah berjalan selama 4 jam dan telah dikendalikan oleh 2 orang moderator. Peserta kumpulan fokus telah diberi ruang untuk menyuarakan item yang dirasakan perlu dicadangkan dalam tolakan pengiraan zakat mengikut parameter yang telah disenaraikan seperti makanan, perlindungan, kesihatan, pakaian, pendidikan, pengangkutan, perancangan kewangan, gaya hidup dan lain-lain. Kertas kerja ini menyenaraikan hasil cadangan item tolakan yang terdiri daripada parameter makanan (5 item), perlindungan (27 item), kesihatan (15 item), pakaian (7 item), pendidikan (20 item), pengangkutan (16 item), perancangan kewangan (13 item), gaya hidup (12 item) dan lain-lain (5 item).

Keywords: kumpulan fokus muzzaki, pengiraan zakat pendapatan, zakat pulau pinang

Pengenalan

Terdapat pelbagai zakat di Malaysia termasuklah zakat fitrah, zakat perniagaan, zakat emas dan tidak terkecuali zakat pendapatan (Noor Zahirah et al., 2019). Zakat pendapatan merupakan salah satu zakat yang perlu dikeluarkan oleh umat Islam yang berkelayakkan selepas mengira pendapatan bersih tahunan. Kategori tolakan yang disenaraikan oleh ZPP adalah seperti diri sendiri, pasangan, bilangan

anak, nafkah untuk ibu/bapa, potongan KWSP, caruman Tabung Haji. Kategori tolakan ini terdiri daripada parameter makanan, perlindungan, kesihatan, pakaian, pendidikan, pengangkutan dan perancangan kewangan. Oleh itu, bagi memastikan item tolakan pada setiap parameter adalah relevan dan mengikuti perkembangan semasa, satu sesi fokus kumpulan muzakki dari golongan M40 telah diadakan. M40 merujuk kumpulan berpendapatan sederhana yang pendapatan isi rumah antara RM4,851 sebulan sehingga RM10,970 sebulan (Rebecca Hani, 2021). Sesi ini telah berlangsung di hotel Eastern and Oriental di Pulau Pinang pada 4 September 2022. Hasil item yang dikenalpasti ini, akan dicadangkan kepada Zakat Pulau Pinang untuk diambil kira dalam pengiraan tolakan zakat pendapatan.

Peserta kumpulan fokus muzakki M40 adalah seramai 4 orang iaitu dari sektor kerajaan (1 orang), swasta (2 orang) dan usahawan (1 orang). Peserta ini telah diberi ruang untuk mencadangkan item-item baru yang perlu disenaraikan dalam tolakan dalam sesi ini. Sesi ini telah berlangsung selama 4 jam pada sesi pagi dan dikendalikan oleh 2 orang moderator.

Kajian Kesusasteraan

Item tolakan pengiraan zakat pendapatan adalah panduan digunakan oleh para pembayar zakat dalam mengisi kategori tolakan yang disenaraikan oleh pihak zakat. Pengiraan ini membolehkan tolakan yang dibenarkan releeven kepada para muzakki. Ini termasuklah golongan M40.

Setakat penelitian penyelidik, terdapat beberapa kajian ditemui boleh dilibatkan dalam sorotan kerana berkenaan pengiraan zakat pendapatan bersama dengan muzakki atau pembayar zakat. Antaranya termasuklah kajian yang mengkaji kepatuhan pembayar zakat pendapatan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Fidzlizan et.al, 2016). Para pengkaji mendapati kebanyakan responden menghadapi kesukaran kerana ketidakupayaan mereka untuk menghitung pendpaatan sebenar dalam pengiraan zakat pendapatan. Justeru, hasil ini perlu menjadi keperluan kepada pihak berautoriti untuk memberikan maklumat dan penerangan tambahan berkenaan zakat pendapatan untuk memastikan harta individu lebih bersih dan adil.

Seterusnya, kajian oleh Norazlin et. Al (2019) berkenaan perlaksanaan skim kafalah muzakki di PPZ, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Skim kafalah muzakki merupakan intensif skim perlindungan kepada pembayar zakat PPZ, MAIWP. Kajian ini mengkaji berkenaan mekanisme pelaksanaan skim kafalah muzakki dan menganalisis kes-kes yang berlaku kepada pembayar zakat. Terdapat beberapa prosuder pelaksanaan dan syarat kelayakan pembayar cukai diperlukan untuk waris menuntut intensif skim kafalah. Ini termasuklah permohonan adalah waris terdekat iaitu pasangan si mati, anak, ibu dan bapa serta pihak ketiga yang berdaftar. Tuntutan juga hendaklah dilakukan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kematian.

Selain itu, kajian Ruziah dan Patmawati (2022) telah memfokuskan faktor-faktor peningkatan dan kutipan pembayar zakat ketika pandemik covid 19. Antara faktor-faktor yang berlakunya peningkatan dan kutipan termasuklah niat pembayar zakat itu sendiri di samping pengetahuan mengenai zakat. Pembayar zakat juga mempunyai motivasi yang tinggi dalam usaha untuk membayar zakat kerana ianya adalah kewajipan. Kajian Syadiyah (2021) mendapati sebab seseorang itu membayar zakat adalah kerana mengetahui kewajipannya sebagai umat Islam, melibatkan keberkatan rezeki di samping wujud dorongan dan galakan persekitaran sekeliling serta kemudahan dalam pembayaran melalui pelbagai platform.

Metodologi

Teknik kumpulan fokus telah dipilih sebagai kaedah kutipan data. Peserta yang menyertai kumpulan fokus ini adalah seramai 4 orang, berlatar belakang seperti didalam jadual 1.

Jadual 1: Latar Belakang Peserta Kumpulan Fokus

Peserta	Umur	Pendidikan	Pekerjaan	Jantina
1	38	Ijazah Sarjana Muda	Jurutera	Perempuan
2	35	Diploma	Juruteknik	Lelaki
3	46	Ijazah Sarjana Muda	Usahawan	Lelaki
4	41	Ijazah Sarjana Muda	Kerajaan	Lelaki

Sesi ini telah diadakan di hotel Eastern and Oriental Pulau Pinang, bertarikh 4 September 2022. Masa sesi adalah selama 4 jam bermula pada pukul 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari. Sesi ini dikendalikan oleh 2 orang moderator yang bertugas sebagai bertanyakan soalan dan pencatat jawapan. Soalan yang diutarakan adalah meliputi kepada parameter yang telah dikenalpasti iaitu makanan, perlindungan, kesihatan, pakaian, pendidikan, pengangkutan, perancangan kewangan, gaya hidup dan lain-lain.

Hasil Kajian

Berikut adalah hasil kajian mengikut parameter makanan (jadual 2), perlindungan (jadual 3), kesihatan (jadual 3), pakaian (jadual 4), Pendidikan (jadual 5), pengangkutan (jadual 6), perancangan kewangan (jadual 7), gaya hidup (jadual 8) dan lain-lain (jadual 9).

Jadual 2: Hasil Cadangan Item Parameter Makanan

Bilangan	Item
1	Belanja dapur untuk memasak di rumah
2	Belanja makan di luar
3	Belanja makanan khas untuk kanak-kanak/bayi
4	Belanja lain-lain contoh (makanan ringan)
5	Makanan Binatang Peliharaan

Jadual 3: Hasil Cadangan Item Parameter Perlindungan

Bilangan	Item
1	Bayaran pinjaman perumahan
2	Sewa rumah
3	Bil air
4	Bil elektrik
5	Bil pembentungan (IWK)
6	Penyelenggaraan bangunan rumah
7	Pembaikan dan penyelenggaraan dalam rumah
8	Cukai pintu
9	Cukai tanah
10	Bil telefon (rumah)
11	Bil internet (rumah)
12	Bil telefon bimbit
13	Insuran kebakaran rumah
14	Sabun pencuci pakaian/pinggan/rumah
15	Ubat nyamuk/serangga perosak
16	Kelengkapan rumah (cth: perabot, katil)
17	Penapis air
18	Penapis udara
19	Yuran persatuan taman
20	Langgan aplikasi pengstreaman
21	Mesin rumput
22	Perkhidmatan cuci rumah
23	Wang dobi & pengering
24	Hotel binatang peliharaan
25	Penyelenggaraan landskap
26	Pembantu rumah
27	Pengasuh anak

Jadual 4: Hasil Cadangan Item Parameter Kesihatan

Bilangan	Item
1	Takaful kesihatan/perubatan/kemalangan
2	Insuran kesihatan/perubatan/kemalangan
3	Keperluan khas pengidap penyakit kronik
4	Rawatan perubatan (klinik/hospital)
5	Saringan kesihatan (<i>medical check-up</i>)
6	Belanja ubat-ubatan penyakit ringan (tanpa jumpa doktor)
7	Belanja sewa gelanggang permainan sukan
8	Belanja makanan tambahan/vitamin/ <i>supplement</i>
9	Belanja kanta lekap/cermin mata
10	Belanja gunting rambut
11	Belanja spa/urutan muka
12	Belanja penjagaan ibu bersalin
13	Belanja penjagaan diri (cth: minyak rambut, minyak wangi, syampoo, bedak, alat solek, ubat gigi, berus gigi, etc.)
14	Rawatan khas dan penjagaan ibubapa
15	Penjagaan ibubapa

Jadual 5: Hasil Cadangan Item Parameter Pakaian

Bilangan	Item
1	Pakaian lelaki dewasa
2	Pakaian wanita dewasa
3	Pakaian remaja lelaki
4	Pakaian remaja wanita
5	Pakaian kanak-kanak lelaki
6	Pakaian kanak-kanak wanita
7	Pakaian bayi

Jadual 6: Hasil Cadangan Item Parameter Pendidikan

Bilangan	Item
1	Pakaian seragam anak IPT
2	Pakaian seragam anak sekolah menengah
3	Pakaian seragam anak sekolah rendah
4	Pakaian seragam KAFA
5	Pakaian sukan
6	Yuran pengajian/pendidikan
7	Tambang bas sekolah/kos kenderaan ke pusat pengajian
8	Yuran ko-kurikulum
9	Lawatan sambil belajar
10	Yuran PIBG
11	Belanja beli buku
12	Yuran tuisyen
13	Yuran latihan kemahiran (cth: sukan, alat muzik, pertukangan, etc.)
14	Belanja beli majalah/surat khabar
15	Komputer riba
16	Telefon Bimbit
17	Internet
18	Yuran Transit Anak
19	Pencetak
20	Pendidikan Khas

Jadual 7: Hasil Cadangan Item Parameter Pengangkutan

Bilangan	Item
1	Ansuran pinjaman kenderaan (kereta)
2	Ansuran pinjaman kenderaan (motosikal)
3	Insuran dan cukai jalan kenderaan (semua jenis kenderaan)
4	Penyelenggaraan kenderaan
5	Baik pulih kenderaan
6	Minyak petrol/disel
7	Tambang teksi/e-hailing
8	Sewa kenderaan
9	Tol
10	Parkir
11	Saman
12	Pengubahsuaian/kosmetik kenderaan
13	Kerusi keselamatan kanak-kanak
14	Keretapi
15	Aksesori kenderaan

Jadual 8: Hasil Cadangan Item Parameter Perancangan Kewangan

Bilangan	Item
1	Hibah
2	Unit Amanah
3	Takaful hayat
4	Insuran nyawa
5	KWSP
6	Perkeso
7	Skim persaraan dan anuiti tertunda
8	Insuran pendidikan
9	Potongan SSPN
10	Bayaran balik pinjaman pendidikan
11	Tabung Haji
12	Potongan koperasi
13	Pelaburan emas

Jadual 9: Hasil Cadangan Item Parameter Gaya Hidup

Bilangan	Item
1	Melancong
2	Berkelah/bersiar-siar
3	Wayang gambar/karaoke/lan-lain
4	Langganan TV satelit (cth, Astro)
5	Langganan penstreaman video
6	Alat permainan kanak-kanak
7	Keahlian gimnasium/kelab golf/lain-lain
8	Fi fasiliti sukan
9	Fi pendaftaran penyertaan pertandingan
10	Berenang
11	Basikal
12	Peralatan perkhemahan

Jadual 10: Hasil Cadangan Item Parameter Lain-lain

Bilangan	Item
1	Yuran pusat penjagaan/asuhan anak
2	Bayaran alimoni kepada bekas isteri
3	Saguhati/pemberian tunai isteri dan anak
4	Kelengkapan Pam Susu
5	Sedekah - infaq

Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan bahawa perbelanjaan pada masa kini telah merangkumi pelbagai jenis item yang perlu diambil kira dalam tolakan zakat. Antaranya adalah perbelanjaan untuk komunikasi termasuklah telefon bimbit, komputer riba dan internet. Perbelanjaan ini telah menjadi satu keperluan dalam kehidupan pada masa ini. Hasil kajian ini akan dipersembahkan kepada ZPP bagi menimbang untuk diterima sebagai salah satu item tolakan pengiraan zakat pendapatan.

Rujukan:

- Fidlizan, M., Azila, A. R., Fatimah Salwa, A. H. & Nor Hamizah, S. (2016). *Kepatuhan pengiraan zakat pendapatan kumpulan profesional di Universiti Pendidikan Sultan Idris*. Jurnal Sains Humanika, 8(3). (pp. 1-7).
- Noor Zahirah, M. S., Roshima, S. & Wan Norhaniza, W. H. (2019). *Islamic Development Management: Recent Advancements and Issues*. Springer.
- Noorazlin, M. A. (2019). Pelaksanaan Skim Kafalah Muzakki terhadap pembayar zakat, kajian di Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ, MAIWP): satu sorotan awal. *Prosiding Kolokium Siswazah Fep*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2, (pp. 114-120).
- Rebecca, H. R. (2021). *Pengelasan pendapatan di Malaysia: apa itu b40, m40 dan t20*. Diakses daripada <https://www.iproperty.com.my/bm/panduan-hartanah/pengelasan-pendapatan-di-malaysia-apa-itu-b40-m40-dan-t20-68117>.
- Ruziah, G. & Patmawati, I. (2022). *Faktor-faktor peningkatan kutipan dan pembayar zakat ketika pandemik covid-19*. Akademi Zakat: Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Syadiyah, A. S. (2001). *Motivasi pembayaran zakat pendapatan: satu analisis kualitatif*. AZKA International Journal Of Zakat And Social Finance, 2(2). (pp. 178-198).